AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 67
RUANGAN : NASIONAL

Kes pencemaran Sungai Kim Kim

766 mangsa dapat wang ihsan

Semua penerima ada dalam rekod NADMA, Jabatan Kesihatan Johor

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

***Dr Sahruddin bersama mangsa** pencemaran Sungai Kim Kim selepas majlis perasmian Bulan Kesiapsiagaan Nasional Peringkat Johor di Pasir Gudang, semalam.*
(Foto hairul Anuar Rahim/BH)

Pasir Gudang: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) semalam menyerahkan wang ihsan kepada 766 individu yang terjejas akibat pencemaran Sungai Kim Kim, di sini.

Daripada jumlah itu, 740 yang dirawat di wad biasa menerima wang ihsan RM200 seorang, manakala 26 lagi di Unit Rawatan Rapi (ICU) masing-masing menerima RM500.

Majlis penyerahan wang ihsan itu disempurnakan Menteri Besar, Datuk Dr Sahruddin Jamal, di Dewan Serbaguna Taman Mawar di sini, sempena Majlis Perasmian Bulan Kesiapsiagaan Nasional peringkat negeri, semalam.

Dr Sahruddin berkata semua nama mangsa yang diberikan wang ihsan itu diterima daripada rekod NADMA dan Jabatan Kesihatan negeri.

"Kita (kerajaan negeri) dapat nama (mangsa) daripada NADMA dan Jabatan Kesihatan, mungkin ada yang bermasalah (nama tiada).

"Kadang-kadang ada penerima yang masuk hospital, apabila kita 'trace' (kesan) alamat dia dekat Pasir Gudang, tidak jumpa," katanya selepas majlis berkenaan.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah NADMA, Datuk Mohtar Mohd Abd Rahman; Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Azmi Rohani dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO).

Dalam perkembangan lain, Dr Sahruddin berkata kerajaan Johor akan berbincang dengan agensi dan kementerian berkaitan mengenai peruntukan Belanjawan 2020 khusus untuk alam sekitar.

"Kita akan bincang dengan agensi dan kementerian bagi melihat berapa yang diagihkan untuk Johor, kemudian barulah perbincangan bagi melaksanakan projek penambahbaikan di Pasir Gudang akan dilakukan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 67
RUANGAN : NASIONAL

Peruntukan RM60 juta untuk vaksin pneumokokal

Beri manfaat, jimat kos rawatan

Perhatian kerajaan selaras syor Pertubuhan Kesihatan Sedunia

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@nstp.com.my

***Boon Chye memotong kek bersama warga tua** sempena Majlis Ulang Tahun Ke-68 Persatuan Kebajikan Cina Negeri Perak dan Ulang Tahun Ke-17 Persatuan Warga Tua Seri Bahagia Ipoh di Ipoh, semalam.* [Foto Balqis Jazimah Zahari/BH]

Ipoh: Peruntukan RM60 juta untuk vaksin pneumokokal yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 antara usaha baik kerajaan dalam memberikan manfaat dan penjimatan pelbagai kos rawatan untuk penyakit berkaitannya.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata penyediaan peruntukan itu juga tepat pada masanya dalam memberi rawatan terhadap pelbagai penyakit, terutama dalam kalangan kanak-kanak.

"Mengikut kajian, bukan setakat di negara ini, malah di luar negara juga menunjukkan vaksin pneumokokal boleh menurunkan jangkitan pneumokokal sama ada di otak, telinga dan paru-paru.

"Apabila kanak-kanak mempunyai meningitis mereka boleh lumpuh, jadi kalau boleh kita mahu mengelak daripada mereka terkena jangkitan (melalui pemberian vaksin pneumokokal), pencegahan lebih baik daripada mengubati," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Ulang Tahun Ke-68 Persatuan Kebajikan Cina Negeri Perak dan Ulang Tahun Ke-17 Persatuan Warga Tua Seri Bahagia Ipoh di Rumah Seri Bahagia, Jalan Sultan Nazrin Shah, di sini semalam.

Boon Chye berkata, langkah pencegahan daripada pelbagai jenis berkaitan jangkitan pneumokokal itu diyakini mampu menjimatkan kos rawatan.

"Kajian impak ekonomi juga menunjukkan bahawa vaksin berkenaan menjimatkan kos. Ia akhirnya menjimatkan kos daripada segi keperluan rawatan untuk penyakit berkaitan jangkitan pneumokokal.

"Ini adalah satu usaha yang baik (menyalurkan peruntukan), malah satu usaha yang disarankan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)," katanya.

Media sebelum ini melaporkan peruntukan RM60 juta untuk penyediaan vaksin pneumokokal mampu menurunkan jumlah kematian dan pelbagai penyakit membabitkan sistem pernafasan dalam kalangan kanak-kanak.

Memetik laporan itu, pemberian vaksin itu juga berupaya menjimatkan kos perubatan secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh lima tahun dengan anggaran RM488 juta.

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan meminta supaya lebih banyak rumah kebajikan yang dikendalikan pihak swasta berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Di bawah JKM setakat ini, terdapat sembilan Rumah Seri Kenangan di seluruh negara yang menjaga 1,585 warga emas, selain dua Rumah Ehsan yang menjaga 217 warga emas.

"Pada peringkat swasta pula, hanya 27 sahaja yang berdaftar walaupun kita tahu ada banyak antara mereka mengusahakannya dengan bantuan pihak lain tanpa bantuan daripada JKM," katanya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

Teen pregnancies on the decline

Statistics are based on antenatal cases of teens aged between 10 and 19

By ASHLEY TANG
ashleytang@thestar.com.my

PETALING JAYA: After Diana (not her real name) missed her menstruation, she did not think much of it. Later, she found out she was pregnant.

Even at 30, Diana's predicament is no different than an out-of-wedlock pregnant teenager as she could barely afford to be a mother.

"I was in a relationship but we broke up.

"I was not aware of the pregnancy then because I was not monitoring my period," she said.

She noticed she was pregnant after she felt a movement in her belly.

Diana, who is from Penang, has since decided to give her baby up for adoption when she delivers.

"At first, I did think of parenting the baby but a lot was on my mind about the baby growing up without a father and whether I am capable of bringing up (the baby) as a single parent without the help from family members.

"I then realised that I am even not ready to tell my family about this baby," she told *The Star*.

Diana looked up places to seek help and found non-profit organisation OrphanCare.

She has been with OrphanCare since last month.

"So far, my stay has been comfortable and I have people to talk to.

"It is peaceful too.

"OrphanCare also arranges for my regular check up and delivery plan," she said.

Diana said she did not tell her friends and former boyfriend, who is the father of the baby, about the pregnancy.

"I do not want him to know because I know he is not capable of caring even for himself, what more a child," she said.

Asked about why she is not informing her family and friends, Diana said she believed she would not get their support.

Despite her circumstances, Diana said she was already working and looked forward to furthering her studies.

She advised young pregnant teenagers not to dump or abort their baby, adding that they can get help from non-governmental organisations such as OrphanCare.

Statistics provided by the Health Ministry showed that overall teen pregnancies have decreased in part due to the declining pregnancies among adolescents who are married.



The ministry noted that this was based on the registered data of antenatal cases in the public healthcare sector from those aged between 10 and 19.

The data revealed that overall teenage pregnancies had declined by a simple average of about 7.4% per annum for the past seven years from 2012 to last year.

Married pregnant teenagers decreased at an average of 9.2% per annum.

In 2012, there were 14,664 pregnancies but by last year, it fell to 6,578.

However, for unmarried pregnant teenagers, there has not been significant changes during the corresponding period.

In 2012, there were 4,183 unmarried pregnant teenage cases followed by 4,127 cases in 2013.

In 2014 and 2015, there were 3,980 cases each; 2016 (3,938 cases), 2017 (3,694 cases).

But the number went up again to 3,927 cases last year.

Last year's numbers also showed that 59.4% of antenatal cases came under the 18 to 19-year-old category, followed by 38.1% of 15 to 17-year-olds.

It noted that only 2.5% were from those who belonged to the 10 to 14-year-old category.

The ministry also said that it had dealt with the problem "holistically, comprehensively and effectively" at the national, state and district levels.

In August, the government recorded 1,010 cases of baby dumping between 2010 and May this year.

Of these cases, 64% of the babies were found dead, with most of the victims being newborns. The rest were foetuses.

Most babies were abandoned near residential areas.

Others were left in public toilets and at rubbish dump sites.

The highest baby dumping cases were recorded in Selangor, followed by Johor, Sabah and Kuala Lumpur.